

**PERANAN KATA-KATA PERBILANGAN
DI DALAM PERJALANAN ADAT PERPATIH**

OLEH:

ABDUL JABAR BIN KASSIM

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR
1974-75**

Perana Kata-Kata Perbilangan
Di dalam Perjalanan Adat Perpatih

Oleh:
Abdul Jabar Bin Kasin

Latihan Ilmiah
Untuk memenuhi sebahagian syarat-syarat
Ijazah Sarjanamuda Sastera dengan Kepujian
Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur
1974-75

PENGHARGAAN

Membincangkan mengenai peranan kata-kata perbilangan di dalam Adat Perpatih adalah salah satu latihan ilmiah bagi membuat serta memenuhi syarat dalam memperoleh Ijazah Sarjanamuda (Kepujian) Persuratan (Sastera) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Di dalam usaha menyempurnakan latihan ilmiah ini, saya sungguh terhutang budi kepada Cik Siti Hawa Haji Salleh yang telah memberikan nasihat serta bimbingan hingga berjaya terlaksananya latihan ilmiah ini.

Saya tidak lupa juga memberikan ucapan terima kasih kepada informan-informan terutamanya Encik Sharif, Encik Hassan dan Encik Sulaiman Kalam yang bersusah payah memberikan keterangan-keterangan mengenai Adat Perpatih. Juga saya tidak melupakan ucapan terima kasih kepada bapa saya sendiri iaitu Encik Kasim Bidin yang turut sama bersusah payah mencari serta menemui beberapa informan.

Saya juga berterima kasih kepada semua pihak yang namanya tidak dicatitkan di atas segala pertolongan serta kerjasama yang diberikan.

Terima kasih.

Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur.

ABDUL JABAR BIN KASIM

KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Kandungan	iii
BAB I	
1. Pendahuluan	1
2. Bidang Kajian	3
BAB II	
1. Asal usul Adat Perpatih di Negeri Sembilan	5
BAB III	
Perjalanan Adat Perpatih	
a) Adat dan Adat Istiadat	18
BAB IV	
Beberapa adapt istiadat yang terdapat di Negeri Sembilan	
a) Adat berlait dengan perkahwinan	30
b) Adat yang berkait dengan perceraian	52
c) Adat bertukar suku atau bersekadin	59
d) Adat istiadat 'berolek' (kenduri)	66
BAB V	
Kesimpulan.	

PERANAN KATA KATA PERBILANGAN DI DALAM PERJALANAN ADAT PERPATIH

BAB II

ASAL USUL ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN

A) Jenis-jenis adapt yang terdapat di Alam Melayu.

Di Alam Melayu ini terdapat bebrapa jenis adapt yang terpakai. Di antara adapt-adat itu, mengikut pandangan masyarakat Perpatih ialah:

- a) Adat Datuk Batin Nara Kaya
- b) Adat Marhorn Sati
- c) Adat Bujang Perpatih
- d) Adat Bongsu Temenggong

Adat-adat ini dikenali dengan nama pembesar yang mengasaskannya. Datuk yang berempat inilah dikatakan pengasas adat. Pandangan ini berasaskan dari kata-kata yang berikut:

Sehari ditanam sehari tumbuh

Sehari ada sehari purnama

Kayu alak kayu alai

Kayu merbau merondang kuning

Tanaman Datuk nan berempat.

Apa yang dimaksudkan oleh kata-kata itu ialah dizaman Datuk yang berempat inilah bermula terdirinya adat. Merekalah yang mengasaskannya dan sebelum adanya mereka, belum adalah adat. Perbilangan di atas itu hanya menyentuh akan terdirinya adat sahaja. Seperti yang diketahui, adat itu tersusun dengan elok dan perbilangan yang berikutlah yang menunjukkan pada kita bahawa mereka itu telah menyusun dengan telitinya adat hingga dapat dijadikan panduan oleh masyarakatnya hingga ke zaman ini.

Lantak nan bertungkol

Emas nan bertahil

Adat nan bertentu

Bilang nan beratur.

Di dalam menantikan bagaimanakah corak adat yang dibawa oleh Datuk yang berempat itu, ada kata-kata perbilangan yang tertentu yang menerangkannya. Berikut ini ialah perbilangan yang menentukan Adat Datuk Batin Nara Kaya:

Kalau hendak tahu adat Datuk Batin Nara Kaya

Orang beradat kurang dua lapan puluh.

Apa yang dimaksudkan dengan 'adat' di sini ialah adat maskahwin yang ditentukan ke atas perkahwinan yang dibuat secara 'serah menyerah', 'bersalah-salah', dan 'merumah'.¹ Kurang dua lapan puluh dimaksudkan 78 dan 78 di sini ialah 78 rupiah. Oleh itu, mereka yang masuk di bawah adat Datuk Batin Nara Kaya ini akan mengikut adat yang telah ditentukan itu. Adat ini digunakan oleh orang yang di dalam suku Biduanda.

¹ Lap Cit – Abas Hj Ali – Hal:

Sementara itu perbilangan yang menentukan adat Datuk Marhum Sati pula:

Kalau hendak tahu Adat Datuk Marhum Sati

Orang beradat sekehendak hati

Cincang pampas tidak memberi batas.

Menurut adat ini, ia tidak menentukan berapakah bayaran adatnya. Adatnya itu mengikut kehendak hati mereka sahaja. Ianya tidak mempunyai batasan dan terpulanglah kepada mereka untuk menentukan adatnya itu mengikut kehendak hati mereka. Di dalam hal ini cincang pampas iaitu hujah-hujah atau usaha-usaha yang cuba hendak dibuat oleh pihak yang melakukan kesalahan itu bagi melepaskan diri yang bersalah dari dihukum, tidak memberi balas iaitu tidak menimbulkan apa-apa kesan pun. Pihak yang melakukan kesalahan tetap akan membayar kesalahan-kesalahan adat itu mengikut sekehendak hati pihak yang menuntut kesalahan itu. Adat Marhum Sati ini ialah adat yang dipakai oleh golongan raja-raja.

Sementara itu Adat Perpatih pula berdasarkan perbilangan berikut:

Bagi Adat Bujang Perpatih

Orang beradat kurang dua lima puluh.

Menurut Adat Perpatih ini, 'adat' mereka ialah 48 iaitu 48 rupiah. Jika didapati seseorang melakukan kesalahan seperti yang telah disebutkan di atas tadi, maka hukumannya ialah 48 rupiah.

Untuk mengetahui Adat Temenggong pula, terdapat satu perbilangan yang berbunyi:

Kalau hendak tahu Adat Bongsu Temenggong
Ibarat orang menjala
Siapa menjala siapa terjun
Siapa berhutang siapa membayar
Siapa mati siapa dibunuh
Ada rupa ada harga.

Mengikut Adat Temenggong ini, sesuatu itu adalah mengikut keadaan. Ianya tidak ditentukan terlebih dahulu apakah tindakan yang harus dibuat. Hukuman yang dijatuhkan tidak melibatkan orang lain tetapi terpulang kepada mereka yang berkenaan sahaja untuk menyelesaikannya. Sekiranya pihak yang menerima kesalahan itu mempunyai kedudukan yang tinggi pula samada dari segi tarafnya di dalam kedudukan masyarakat, harta mahupun sifat-sifat fizikalnya, pastilah ia meletakkan 'adat' yang tinggi pula. Sepertimana yang saya nyatakan sebelum ini, 'adat' bagi Adat Temenggong tidap ditetapkan. Ia adalah berdasarkan kepada keadaan serta nilai-nilai yang tertentu.

Berdasarkan dari perbilangan-perbilangan yang di atas, dapatlah ditentukan bagaimanakah perbezaan asas yang didapati diantara beberapa jenis adat yang terdapat itu. Setelah mempunyai asas yang tertentu itu, barulah didirikan pula adat atau undang-undang yang lain yang penting untuk diikuti oleh pengikut-pengikut masing-masing. Keempat-empat jenis itu mesti mempunyai kawasan yang tertentu yang termasuk di bawah pengaruhnya. Di dalam menentukan kawasan yang mereka kuasai, ada satu perbilangan yang berbunyi:

Datuk Batin Nara Kaya dihutan
Marhun Sati tinggal dipintu dua
Bujang Perpatih turun keluar
Bongsu Temenggong turun ke lautan Aceh

Adat Batin Nara Kaya ini dimaksudkan kepada adat yang ada pada penduduk-penduduk asli satu-satu tempat. Yang dimaksudkan kepada tinggal dipintu dua bagi Marhum Sati ialah di antara dua dunia, iaitu diantara golongan masyarakat biasa dengan golongan raja. Dengan adanya Marhum Sati ini, maka dapatlah dibezakan diantara keturunan raja dengan rakyat biasa. Bagi Bujang Perpatih pula, ia akan membawa adatnya keluar dari kawasan itu dan mencari kawasan baru. Kerana itu akhirnya telah menegakkan adatnya di seluruh Minangkabau dan dari sana cuba mengembangkannya lagi ke negeri-negeri Melayu yang lain. Kerana itulah dapat dilihat adanya masyarakat dari negeri Minangkabau dimerata Tanah Melayu ini. Namun begitu penempatan penting mereka di Tanah Melayu ialah di Newgeri Sembilan. Sementara Bongsu Temenggong pula telah turun ke Lautan Aceh. Dari sana ia telah meluaskan adatnya hinggalah ke negeri-negeri Melayu yang lain.

Menurut pandangan masyarakat Perpatih, beginilah mula munculnya adat di dalam Melayu ini. Pandangan yang demikian itu dibuat dengan berasaskan dari kata-kata perbilangan yang terdapat di dalam Adat Perpatih.

B) Adat Perpatih di Negeri Sembilan

Adat Perpatih ialah adat yang Bersuku Waris atau ia dikenali juga sebagai Adat Bersuku atau Adat Berwaris. Ianya diterima dari Pagar Ruyong Minangkabau. Sepertimana yang telah dapat dilihat di atas, adat ini telah diasaskan oleh Datuk Perpatih.

Di atas kebijaksanaannya, Datuk Perpatih telah berjaya mengadakan satu sistem undang-undang atau perlembagaan yang berasaskan bersuku atau berwaris. Dengan mengadakan perlembagaan ini, dapatlah ia mengekalkan kehidupan soial pengikut-pengikutnya.

Di Negeri Sembilan, Adat Perpatih ini dikatakan mula bertapak di Rembau. Dari sanalah pengaruh Minangkabau mula tersebar keseluruh kawasan yang akhirnya dikenali sebagai Negeri Sembilan. Di dalam menentukan kawasan pengaruh Adat Perpatih ini, terdapat kata-kata yang menerangkan bagaimana ia bertapak serta mengembangkan pengaruhnya di Negeri Sembilan ini:

Sealam Minangkabau
Selilit Pulau Perca
Selambang Tanah Melayu
Kok negeri sudah ada
Kecil dinamakan dusun
Besar dinamakan berduri
Tegah dek rimbun menyelara
Tegah dek rambai berbagai
Maka turun di tanah Rembau
Maka dikhorjankan Undang yang empat
Yang tua Datuk Seri Mahniko Jelebu
Yang Alang Kelana Bahtera Semujong
Yang tengah Seri Maharaja Rembau
Yang bongsu Johan Pahlawan Iela Perkasa
Yang setiawan Sabda Undang Johol.

Kemudian dipecahkan:

Johan pahlawan di Muar
Iela Perkasa di Jempol.

Dari kata-kata di atas, dapat dilihat akan asal usul Undang yang ada di Negeri Sembilan. Sealam Minangkabau, selilit Pulau Perca dan selambang Tanah Melayu menerangkan kawasan-kawasan yang terdapat hubungan kerajaan Minangkabau. Selambang Tanah Melayu itu dimaksudkan kepada kawasan yang didatangi oleh orang-orang Minangkabau, di Tanah Melayu ini terutamanya kawasan Rembau.¹ Kata-kata itu seolah-olah menggambarkan akan keagungan Adat Perpatih yang telah mula meluaskan pengaruhnya itu.

Seterusnya ia menyatakan lagi bagaimana tertubuhnya negeri-negeri itu. Mula-mula ia merupakan sebuah kawasan yang kecil sahaja dan bertambah besar dan kerana telah menjadi besar itu, pastilah ia akan membuka pula kawasan-kawasan baru. Dari perbilangan ini dapatlah kita ketahui kenapa mereka membuka penempatan baru.

Setelah menyatakan tentang penerokaan yang dilakukan itu, barulah dinyatakan bagaimana kebesaran Minangkabau itu bertapak di Negeri Sembilan. Seperti yang terdapat di dalam perbiangan, pengaruh Adat Perpatih ini mula bertapak di Rembau. Selepas bertapak di Rembau itu, penerokaan di daerah-daerah tertentu di Negeri Sembilan. Disebabkan bilangan penduduk telah ramai, sistem pemerintahan yang berasaskan pemerintahan Minangkabau pun dijalankan. Ada 4 pembesar yang dikenali sebagai Undang ditabalkan. Kawasan dimana Undang ini ditabalkan ialah Jelevu, Rembau, Sungai Ujong dan Johol. Undang Jelevu dikenali sebagai Datuk Seri Mahniko, Sungai Ujong bergelar Datuk Kelana Bahtera, Rembau bergelar Seri Maharaja dan Johol bergelar Johan Pahlawan Lela Perkasa Yang Setiawan. Pada mulanya Undang Johol yang pertama dahulu ialah seorang wanita dan kerana itulah balai mengadapnya di dalam rumah. Memandangkan tugas yang begitu berat, kuasa Undang Johol itu telah dipecahkan kepada 2. Satu pembesar yang digelar Johan Pahlawan ditempatkan di Muar sementara yang bergelar Lela Perkasa pula ditempatkan di Jempol. Kata-kata perbilangan di atas ini dikenali sebagai salasilah. Menurut

¹ Abas Haji Ali – lop cit – Hal:3

pandangan masyarakat Perpatih salasilah itu sebenarnya dimaksudkan sebagai sejarah. Di dalam erti kata yang lain salasilah di atas itu yang sebenarnya menerangkan bagaimana Undang ditabalkan di Negeri Sembilan.

Di dalam membincangkan kedatangan orang-orang Minangkabau ke Rembau, ada terdapat satu kata perbilangan yang mengibaratkan mengenai orang mendatang itu:

Gagak hitam gagah senogori
Turun dari bukit berkaki empat
Bangau putih terbang dari laut
Berkepak bersayap.

Gagak hitam senogori dimaksudkan kepada penduduk asli Rembau. Turun dari bukit berkaki empat dimaksudkan kepada tempat dari mana datangnya mereka itu. Orang-orang Rembau ini dikatakan datangnya dari bukit Rembau. Berkaki empat itu dimaksudkan bahawa merekalah yang telah sedia bertapak di situ.

Sementara itu bangau putih pula dimaksudkan kepada orang yang mula-mula datang dari Minangkabau yang diakui sah dan diberi kuasa pendudukan serta kepercayaan. Terbang dari laut dan berkepak bersayap dimaksudkan kepada pelayaran yang mereka lalui untuk sampai ke Rembau. Mereka menggunakan kapal-kapal layer untuk menyeberangi lautan yang memisahkan Sumatera dengan Malaya. Pelayaran mereka itu diibaratkan seperti penerbangan dipermukaan air laut. Apabila dilihat semula mengenai Bujang Perpatih, ia dikatakan 'turun keluar'. Oleh itu dapatlah dilihat di sini bahawa mereka telah keluar dari tempat asalnya untuk meneroka tempat baru. Pemergian mereka ini diakui sah dan diberi kuasa pendudukan serta kepercayaan. Kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan, selain dari penerokaan mereka juga membawa bersama-sama adat istiadat serta sistem social yang masih dipergunakan hingga sekarang ini. Sistem yang dimaksudkan di sini ialah sistem bersuku.

Apabila mereka meneroka penempatan baru, mereka telah memberi nama kepada kampong itu dan kebanyakan nama kampong baru itu mengikut nama tempat asal mereka di Minangbau. ¹ Dari nama Luhak atau Kampung itu telah menjadi nama-nama suku atau waris dan ini kekalah sebutanya hingga sekarang. ² Mengenai suku itu, ada terdapat 12 suku di Negeri Sembilan. Suku-suku itu ialah:

- 1) Biduanda
- 2) Batu Hampar
- 3) Paya Kumboh
- 4) Tigo Nenek
- 5) Mungka
- 6) Seri Melenggang
- 7) Seri Lemak
- 8) Batu Belang
- 9) Anak Melaka
- 10) Tanah datar
- 11) Anak Acheh
- 12) Tigo Batu

Apa yang kita lihat mengenai suku-suku ini selain dari fungsinya di dalam perjalanan Adat Perpatih, ianya juga dapat menunjukkan kepada kita dari mana asalnya keturunan satu-satu suku itu. Mengikut kajian Datuk Abdul Samad Idris lagi, nama-nama suku itu berasaskan dari dua Luhak sahaja di Minangkabau itu. Kedua-dua Luhak itu ialah Luhak Limapuluh Kota dan Luhak tanah Datar. ³ Dari suku-suku ini hanya terdapat satu suku sahaja yang tidak dapat mengambil nama dari kampung-kampung di Minangkabau iaitu Suku Biduanda.

¹ Abdul Samad Idris – hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan – Hal:31

² Ibid

³ Ibid – Hal:33

Suku Biduanda ini seperti yang diketahui dikenali juga sebagai suku Waris dan sekarang ini dikenali pula dengan panggilan Biduanda Waris. Suku ini terdiri dari orang-orang asli di Rembau. Kerana suku itu satu kelaziman orang-orang Minangkabau, mereka terpaksa juga memberi suku kepada penduduk-penduduk asli Rembau. Ini adalah penting kerana perhubungan di antara peneroka-peneroka Minangkabau dengan penduduk asli Rembau akan menyebabkan berlakunya semenda menyemenda. Di dalam kerja semenda menyemenda, suku mempunyai fungsi yang tertentu dan ini akan dibicarakan di bawah tajuk semenda menyemenda nanti. Dengan meletakkan mereka di bawah satu suku, ini beertilah orang asli Rembau itu juga akan mengikut sistem sosial orang Minangkabau. Dari segi sejarahnya, tidak terdapat lagi bukti yang nyata bilakah bermulanya Adat Perpatih ini digunakan. Namun begitu, ini tidaklah pula bermakna bahawa orang-orang Minangkabau ini tidak mementingkan masa. Mereka telah membuat satu pengisytiharan mengenai bilakah bermulanya penggunaan adat ini. Cara mereka membuat pengumuman itu bukanlah dengan menyebutkan tarikh tetapi dengan menggunakan kiasan sahaja. Kiasan itu terdapat di dalam satu salasilah Adat Perpatih:

Zaman buluh bilah ditanam
Besi berdonceng
Puntung berasap
Gagak putih
Bangau hitan
Nenek gadis
Datok bujang.

Beginilah bunyi salasilah yang menerangkan mengenai bermulanya penggunaan Adat Perpatih itu. Walaupun tidak disebut tarikh, tetapi masyarakat Perpatih sedar bahawa dengan rasminya itulah masanya adat itu mula dipakai.

Salasilah di atas digunakan semasa Datuk Perpatih memulakan penerokaan untuk pengikut-pengikutnya. Telah menjadi kebiasaan kepada masyarakat dahulu, apabila hendak memulakan sesuatu kerja mereka memulakannya dengan membaca doa selamat. Di masa itu, mereka menanam ancak yang dibuat dari buluh. Buluh itu ditanam atau dicacakkan ke tanah dan pada bahagian yang dibelah-belah itu pula dimasukkan seketul besi yang dipanggil besi berdongeng itu. Di dalam ancak itu juga diletakkan puntung-puntung api yang disebut puntung berasap itu dengan tujuan untuk membakar kemenyan. Asap dari kemenyan itulah yang dikatakan gagak outih bangau hitam itu. Pastilah ada di antara peneroka-peneroka itu yang masih bujang ataupun yang masih gadis. Jadi dengan mengatakan demikian mereka menunjukkan bahawa pada zaman mereka itulah mulanya adat digunakan.

Dari salasilah di atas dapatlah difahamkan bahawa pada zaman mereka itulah terdirinya Adat Perpatih ini.

Selain dari salasilah di atas, ada pula terdapat satu salasilah lagi yang menunjukkan mengenai masa mulanya terpakai Adat Perpatih ini:

Sebelum Muar bernama Muar

Muar bernama Sungai Muak

Pahang belum bernama Pahang

Pahang bernama Sungai Mahang

Rembau belum bernama Rembau

Rembau bernama Sungai Merbau

Jempol belum bernama Jempol

Jempol bernama Leban Condong

Sekali lagi tarikh tidak dinyatakan. Namun begitu, ianya memberikan kepada kita beberapa implikasi. Walaupun tidak terdapat tarikh, tetapi ahli-ahli sejarah boleh membuat penyasatan yang teliti mengenai perkara ini. Mereka boleh menyiasat bilakah nama-nama itu ditukar. Berikut ini saya cuba terangkan bagaimana Jempol ditukarkan namanya dari Leban Condong. Cerita ini berdasarkan kepercayaan penduduk tempatan.

Pada awal penerokaannya, kawasan itu dikenali sebagai Leban Condong kerana mengikut nama sebuah anak sungai uyang mengalir di situ. Satu kejadian telah berlaku di situ di mana seorang hamba bernama Jempol telah melakukan kesalahan terhadap isteri ketuanya. Memandangkan kesalahan yang sedemikian rupa, hamba itu telah dihukum pancung. Mulai dari masa itu, nama tempat itu juga telah ditukarkan mengikut nama orang yang dihukum bunuh itu.

Oleh itu, sekiranya ahli sejarah dapat membuktikan perkara itu dapatlah diketahui bilakah Adat Perpatih ditegakkan di situ kerana pasti Adat Perpatih telah ada di situ sebelum nama itu ditukar.

BAB IV

KESIMPULAN

Setelah melihat peranan-peranan yang dimainkan oleh kata-kata perbidalan itu, dapatlah kesimpulan bahawa kata-kata tersebut bukan dinilai dari segi maksud yang nampak dilihat sahaja tetapi apa yang ada sebaliknya. Penilaian dibuat bukan dari apa yang tersurat sahaja tetapi juga dari apa yang tersirat. Sepertimana perbilangan 'Biar mati anak jangan mati adat' jika diambil maksud yang tersurat ini bermakna seseorang itu sanggup anaknya mati asalkan terjaga dan terpelihara adatnya. Perkara ini sebenarnya bertentangan sekali dengan Adat Perpatih kerana adat ini tidak sekali-kali menggalakkan pembunuhan. Malah jika terdapat kesalahan membunuh, hukuman yang dijatuhkan mengikut perbilangan ialah:

Siapa membunuh, siapa mengganti

Mereka yang didapati melakukan kesalahan ini tidak dihukum bunuh tetapi dikehendaki mengganti pihak yang malang itu dengan menyerahkan salah seorang dari sekadinya kepada mereka. Anak buah diserahkan itu akan mengambil suku pihak yang menerimanya dan perbuatan bersekadin ini tidaklah merugikan mana-mana pihak pun seperti yang telah dibincangkan di dalam Bab III.

Nyata di sini bahawa 'biar mati anak' itu hanya merupakan satu ibarat sahaja. Ia menunjukkan pegangan yang kuat terhadap adat.

Untuk memandang lebih jauh lagi, perbilangan itu boleh dipandang dari beberapa aspek:

i) Sebagai faktor Sejarah

Berdasarkan dari perbilangan yang ada, dapat kita jadikan ia sebagai bahan untuk kajian sejarah. Disamping itu pula kita juga dapat memandang bagaimanakah pandangan masyarakat dahulu terhadap sejarah.

Masyarakat dahulu cuba juga hendak meninggalkan sejarah kepada masyarakat terkemudiannya. Hanya cara pandangan mereka terhadap sejarah itu sahaja yang berlainan. Bagi mereka adat itu merupakan pegangan hidup mereka. Oleh itu mereka cuba hendak menerangkan sejarah adat itu kepada orang yang terkemudian. Yang berlainan hanya cara menentukan tarikhnya sahaja. Bagi mereka tidak memberatkan masa. Mereka memberi sejarah mereka melalui perbilangan dengan memberatkan kepada kiasan dan ibarat sahaja. Ini dapat dilihat dari Bab I. Di dalam bab itu diterangkan bagaimana munculnya beberapa adat di Alam Melayu ini. Setelah itu diterangkan pula bagaimana munculnya Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Walaupun tidak dinyatakan bilakah bermulanya Adat Perpatih itu, tetapi beberapa fakta tertentu boleh didapati dari perbilangan ini. Antaranya dapat dibuktikan bahawa Rembaulah yang menajadi tempat pertapakan Adat Perpatih. Selain dari itu dapat pula diketahui akan penyebarannya di seluruh Negeri Sembilan dan bagaimana puncanya terdapat Undang di Negeri Sembilan.

Semua perkara-perkara ini dapat diketahui dari perbilangan. Walaupun perbilangan ini tidak dapat memberi dengan tegasnya fakta-fakta serta bukti-bukti sejarah yang diperlukan, tetapi ia boleh dijadikan sebagai bahan untuk kajian sejarah.

ii) Hubungan Adat dengan Agama

Menerusi perbilangan juga dapat dipastikan tentang pandangan Agama masyarakat Perpatih. Perbilangan:

Adat bersendikan hukum

Hukum bersendikan Kitabullah

Dapat dijadikan sebagai bukti bahawa tertegaknya adat itu dengan berasaskan agama. Nyata di sini bahawa agama dan adat itu adalah mempunyai hubungan yang rapat. Tanpa berasaskan agama sesuatu adat itu tidak dapat diakui kerana iktifar dari pihak ulama itu sangat penting. Apabila dikaji dengan mendalam dapatlah kita satu kesimpulan bahawa agama memainkan peranan penting di dalam kehidupan masyarakat Perpatih.

iii) Bahasa

Dari segi bahasa, perbilangan ini banyak menggunakan perbandingan dan peribahasa. Penggunaan peribahasa dan perbandingan ini menunjukkan ketinggian kesenian serta daya pemikiran orang-orang yang menciptanya.

Selain dari itu pada masyarakat dahulu, mereka lebih senang memahami maksud serta tujuan perbilangan. Ia dapat menyampaikan sesuatu tujuan itu dengan senang dan tepat serta mudah pula difahami.

Di dalam sebutan perbilangan itu, mereka banyak menggunakan kata-kata daerah. Kata-kata itu jika diubahsuaikan dengan menggunakan kata-kata melayu Standard akan terdapat kejanggalan bunyi perbilangan itu. Ini disebabkan perbilangan itu disebut dengan irama yang tertentu. Dari segi struktur ayatnya juga memainkan peranan di dalam menentukan irama yang terdapat pada perbilangan itu. Jika struktur ayat itu diubah

mengikut struktur ayat yang sebenarnya, keadaan perbilangan itu akan terdapat kejanggalan juga.

Perbilangan, selain dari mempunyai tujuan yang khas, ia juga mempunyai susunan irama yang tertentu. Sekiranya satu-satu rangkap perbilangan itu dicuba susunan dengan ayat yang sempurna, pasti hilang irama yang mengiringinya. Dengan ini akan hilang juga seni yang ada pada perbilangan tersebut. Dibawah ini diturunkan contoh yang boleh dilihat:

Berhutang berturut

Bercagar bergadai

Bercincang berpampah

Selain dari struktur ayat yang tidak lengkap, ia juga menunjukkan irama yang tertentu. Irama ini terdiri dari bilangan sukukata serta intonasi semasa yang ditekankan pada sukukata-sukukata yang tertentu. Dengan itu melalui perbilangan bukan sahaja dapat melihat bahasa yang mereka gunakan, malahan dapat juga melihat seni yang ada pada kata-kata perbilangan itu.

Semasa mengkaji dari segi bahasanya, dapat juga dilihat penggunaan terhadap kependekan perkataan. Antara perkataan-perkataan yang mana kependekannya digunakan ialah 'nan', 'dek', 'ta', 'bak', 'kok' dan lain-lain lagi.

Dari segi bahasanya dapatlah dikatakan bahawa tujuan penggunaan perbilangan ialah untuk menyampaikan sesuatu itu dengan cara yang paling cepat serta singkat dan setepat yang boleh. Kerana itu mereka menggunakan struktur ayat yang singkat.

Walaupun begitu mereka tidak pula lupa menyesuaikan dan memasukkan kesenian dan ini telah dilakukan dengan menggunakan kata-

kata serta ibarat yang berbunga-bunga. Penggunaan terhadap kata-kata demikian itu banyak terdapat di dalam kata-kata berundang. Pasti diingat kembali bahawa kata-kata berundang itu adalah bertujuan sebagai satu permainan sahaja iaitu untuk emulakan percakapan dan sebelum membincangkan sesuatu tujuan itu dengan mendalam. Disebabkan kata-kata berundang ini ebagai hendak memulakan percakapan sahaja dan bukannya menjadi asas atau pun bukan bertugas sebagai perlembagaan atau undang-undang di dalam Adat Perpatih tidak hairanlah ia disebut dengan berbunga-bunga.

iv) Sebagai menjamin keteguhan adat.

Perbilangan juga bertugas sebagai menjamin keteguhan adat kerana ia merupakan sebagai perlembagaan bagi adat. Ia bukan sahaja menjadi garis panduan bagi menunjukkan maksud tetapi juga menentukan kehendak adat. Selain dari ini ada juga terdapat perbilangan yang menunjukkan sumpahan terhadap pantang larang adat. Dengan ini perbilangan telah dapat memperteguhkan lagi kedudukan adat.

v) Mengenai sistem kemasyarakatan

Kesan yang paling ketara yang dapat kita lihat dari perbilangan ialah peranan yang ditunjukkannya terhadap kehidupan masyarakat. Perbilangan itu ada di antaranya yang menentukan mengenai susunan masyarakat. Ia menentukan apakah peranan tiap-tiap individu itu di dalam masyarakatnya. Di dalam hal ini semenda menyemenda umpamanya, ada terdapat perbilangan yang menentukan sifat orang semenda yang dicari itu. Di sini dapat kita lihat bagaimana sifatnya, mempunyai tempat di dalam Adat Perpatih.

Selain dari itu, mereka juga mempunyai hak untuk menentukan cara pentadbiran pemerintah mereka. Sepertimana yang telah kita lihat, mereka boleh melantik pembesar mereka sendiri. Seseorang pembesar itu bukan naik menjadi pembesar kerana keturunan tetapi adalah disebabkan oleh persetujuan anak buahnya. Di sini menunjukkan betapa pentingnya anak buah di dalam Adat Perpatih.

Disamping menampakkan kepada kita mengenai hubungan antara satu sama lain, perbilangan inilah yang menjadi sebagai garis yang menentukan apa yang harus dilakukan oleh masyarakat Perpatih.

Setelah memandang dari beberapa aspek yang tertentu di atas, dapatlah kita satu kesimpulan bahawa perbilangan itu memainkan satu peranan penting di dalam kehidupan masyarakat Perpatih. Ia merupakan sebagai Perlembagaan, undang-undang dan garis panduan hidup bagi masyarakat Perpatih